

18 MAY 1996
Mohamed-Akta

AKTA PENYEBARAN MAKLUMAT AKAN DIPINDA SELARAS DENGAN PEREDARAN MASA

JOHOR BAHRU, 18 Mei (Bernama) -- Kerajaan sedang mengkaji semua akta yang berkaitan dengan telekomunikasi dan penyebaran matlumat supaya pindaan dapat dibuat bagi memastikan akta-akta itu sesuai dengan peredaran masa, kata Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat.

Beliau berkata, pindaan itu perlu kerana bidang teknologi maklumat kini berkembang pesat dan kebanyakan akta yang ada sudah lama dan digubal oleh British.

"Banyak undang-undang yang ada sudah tidak sesuai lagi dan kita perlu mempunyai undang-undang sendiri demi pertumbuhan yang lebih pesat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Ibubapa dan Guru Sekolah Rendah Kebangsaan St Joseph di sini, hari ini.

Oleh itu, katanya, jawatankuasa pegawai tinggi antara Kementerian yang ditubuhkan oleh Kabinet sedang mengkaji undang-undang yang berkaitan dengan telekomunikasi dan maklumat bagi membolehkan perkembangan teknologi maklumat yang kini menjadi usaha utama kerajaan.

Beliau berkata, jawatankuasa itu yang diwakili para pegawai daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Penerangan dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos akan membuat cadangan kepada Kabinet tidak lama lagi.

Menurut beliau, sesuatu undang-undang itu perlu mengambil kira sensitiviti, kestabilan dan keselamatan negara kerana rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama dan prinsip perpaduan mesti ditekankan.

Mohamed berkata, kerajaan ingin menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat teknologi maklumat di rantau ini dan salah satu tujuan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jepun sekarang ialah ke arah itu.

Apa yang dikhuathiri sekarang ialah masalah bahan lucah kerana apa juga perkara yang baik dan buruk boleh disalurkan melalui teknologi maklumat, tambahnya. -- BERNAMA

MKO PR